

Golongan muda muflis kerana kad kredit perlu dibendung

Oleh HABIBAH OMAR
dan HELMI MOHD, FOAD

PUTRAJAYA 26 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun kes kebangkrutan melibatkan penggunaan kad kredit di kalangan golongan muda yang baru memulakan kerjaya masih terkawal namun ia perlu terus dibendung.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, kes-kes seumpama itu perlu diberi perhatian dan salah satu usaha untuk mendidik mereka ialah melalui latihan dan pendedahan cara-cara menguruskan pendapatan masing-masing.

"Kemudahan memperoleh kad kredit dan pinjaman belian dikatakan banyak mendorong kepada gaya berbelanja di luar kemampuan dan pada 2005, sebanyak

16,000 kes kebangkrutan difailkan dengan lapan peratus melibatkan golongan yang berumur kurang 30 tahun.

"Saya kira latihan atau pendedahan dalam bentuk program kesedaran umum adalah usaha untuk mendidik orang ramai tentang cara uruskan pendapatan jadi kita perlu lakukan daripada dua segi melibatkan pihak yang mengeluarkan kad dan program kesedaran umum," katanya.

Um - 27/3/2007

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Pertandingan Kuiz Pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB) 2007 di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Kuiz Pelaburan PNB dimulakan pada 2001 dan merupakan acara tahunan.

Ia dibahagikan kepada tiga kategori melibatkan sekolah menengah, universiti dan badan beruniform.

Ditanya adakah bank perlu memperketatkan syarat-syarat pengeluaran kad kredit, Najib berkata:

"Saya tak kata ketatkan tetapi tapisan yang bank lakukan ada kriterianya, namun mereka yang berpendapatan yang agak baik pun kalau menyalahgunakan kad kredit boleh juga berhutang besar kalau tak uruskan diri dengan bijak."

Najib bagaimanapun berkata, hanya mereka yang tahu cara-cara penggunaan kad kredit yang betul akan dapat mencapai pengurusan kewangan seimbang.

Malah, kata beliau, kad kredit dan pinjaman akan menjadi mekanisme yang amat berguna dalam merancang perbelanjaan serta pelaburan jika digunakan dengan bijak serta tidak menjadi beban.

NAJIB Tun Razak memegang piala Kuiz Pelaburan PNB 2007 sambil disaksikan Ahmad Sarji Abdul Hamid (kiri) dan Hamad Kama Piah Che Othman pada majlis pelancaran pertandingan itu di Putrajaya, semalam.

